

26 JUN 2003

Indonesia-Mahathir

AKHBAR TERKEMUKA INDONESIA SANJUNGI DR MAHATHIR

Oleh: Openg Onn

JAKARTA, 26 Jun (Bernama) -- Akhbar terkemuka Indonesia, "Kompas" hari ini menyiarkan satu rencana khas yang memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan melepaskan jawatannya Oktober ini setelah kira-kira 22 tahun berkuasa.

Rencana muka depan itu yang bertajuk "Di Tangan Mahathir, Melayu Terangkat" bukan saja memuji Dr Mahathir yang meninggikan martabat Bumiputera daripada masyarakat kelas dua sehingga mampu bersaing dengan bangsa lain, malah turut mengangkat imej Malaysia di persada antarabangsa.

"Salah satu kriteria pemimpin yang sukses ialah meninggalkan singgahsananya dalam keadaan baik. Dia juga memberi jalan kepada pemimpin berikutnya dalam keadaan yang relatif tenang.

"Daripada segi itu, Dr Mahathir Mohamad adalah seorang pemimpin yang sukses," demikian mukadimah rencana itu.

"Di negara jiran itu (Malaysia), puak Melayu mendapat tempat terhormat. Daripada komuniti "kelas dua" dia relatif berhasil mengangkat harkat (martabat) puaknya," tulisan akhbar harian terbesar di Indonesia itu.

Daripada segi itu, bukan saja warga Malaysia yang patut memberinya pujian, tetapi Dr Mahathir turut menjadi pahlawan warga Melayu di Indonesia.

Kompas berkata Malaysia dan Indonesia pernah disenarai dalam lapan negara Asia yang tumbuh pesat dan berperanan sebagai negara industri sehingga digelar "The East Asian Miracles" oleh Bank Dunia pada 1993.

Malaysia dan Indonesia juga tergolong dalam "Negara-negara Baru Industri" (ENIC), tetapi ternyata Malaysia memang berbeza, kata harian itu.

Krisis ekonomi tahun 1997 yang mencetus krisis pelbagai dimensi selepas itu, telah menyeret Indonesia sehingga menjadikannya "sedikit di atas negara-negara Afrika".

Akan tetapi, ia tidak berlaku pada Malaysia dan pada 1999, negara itu sudah melangkah keluar dengan mencatatkan pertumbuhan ekonomi lebih lima peratus, demikian menurut harian itu.

Kompas turut memuji tindakan Malaysia melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dan dasar memajukan masyarakat Bumiputera dengan tidak mengabaikan masyarakat Cina yang memang sudah mendominasi ekonomi negara.

Harian itu berkata Malaysia mengukur sukses ekonominya daripada segi pengagihan pendapatan sehingga rakyat mengalami kemakmuran yang lebih menyeluruh, katanya.

"Bukan hanya itu, daripada sebuah negara pertanian, Malaysia menjadi negara industri, yang sememangnya menjadi impian Indonesia menerusi Repelita I hingga V (rancangan pembangunan tiap lima tahun)".

"Mungkin kita sudah lupa akan istilah repelita itu, tetapi Malaysia adalah negara yang melaksanakannya (dasar) seperti repelita itu," kata akhbar berkenaan.

Rencana itu juga memaparkan secara ringkas latarbelakang Dr Mahathir yang turut mempengaruhi kebijaksanaan dan pimpinannya.

Dr Mahathir memisahkan politik dan kepentingan perniagaan. Itu barangkali merupakan satu yang mesti ditiru elit politik di Indonesia, demikian tulisan Kompas pada akhir rencananya.

-- BERNAMA

OPP LAT